

BERITA UTAMA

- 3 AWANG HAJI MOHAMMAD,
DAYANGKU FAUZIAH
NADHIRAH JOHAN QARI,
QARIAH MUSABAQAH
MEMBACA AL-QUR'AN

5



MENGGALAKKAN
KEAMANAN, KEHARMONIAN,
PERPADUAN PEMIMPIN
AGAMA

11

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam
di Seluruh Negara Bagi Tahun 2024

Bagi Bulan
MEI
25
Orang



- 6 Kesemua Jemaah Haji Brunei
Selamat Berlepas Menunaikan
Ibadat Haji
- 7 20 Saudara Baharu Terpilih
Menerima Tambang Haji
- 8 Pastikan Acara Teratur, Pupuk
Semangat Cintakan Agama,
Raja
- 9 Majlis Sambutan Hari Raya
Aidilfitri KHEU
- 12 Berkenan Menerima Junjung
Ziarah Jemaah Haji Negara

Syawal/
Zulkaedah
1445H

M E I
2024 M
Bil 5 • Tahun 36



www.kheu.gov.bn



pdi@mora.gov.bn



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, **Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, **Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, **Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • PENOLONG KETUA PENERBIT:** Qairunnisa binti Haji Jalil, **Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • PENYELARAS:** Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

DOA DIPERMUDAHKAN SEGALA URUSAN

رب يسّر و لا تُعَسِّر رب تَسْمِي بِأَنْتَ خَيْرٌ

ERTINYA:
Wahai Allah yang Hidup (sentiasa kekal), Wahai Allah yang Bangun (Mentadbir urusan hamba-Nya). Aku mohon dari-Mu bantuan.

Lidah
Pengarang

CINTA KEPADA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA PERLU DISEMAI

Sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, sewajarnya kita sama-sama mensyukuri ni'mat kurnia Allah Subhanahu wa Ta'alā kerana dapat bernaung di dalam sebuah negara yang aman makmur, damai dan harmoni iaitu dengan menurut perintah Allah Subhanahu wa Ta'alā melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'alā dalam surah Ibrahiim, ayat 7 mafhumnya:

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala ni'mat-Ku) tentu Aku akan menambah ni'mat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap ni'mat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.

Untuk mencapai kesejahteraan dan keamanan dalam sebuah negara, ianya memerlukan semangat dan kerjasama yang erat dari semua pihak. Alhamdulillah, di negara kita terdapat pasukan-pasukan keselamatan yang diberi amanah untuk mempertahankan kedaulatan raja, agama, bangsa dan negara seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Bomba dan Penyelamat dan sebagainya.

Tidak dinafikan, negara kita mempunyai pasukan-pasukan penyelamat yang cekap dan berkemampuan sebagai benteng utama kepada pertahanan dan keselamatan negara. Sewajarnya kita bersyukur dan berterimakasih atas jasa bakti mereka yang tidak ternilai harganya dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan negara kita yang tercinta ini.

Tugas dan tanggungjawab mereka ini sangat mulia dan mencabar iaitu dengan menjalankannya dengan penuh semangat, bertanggungjawab, amanah dan dedikasi demi keamanan dan keselamatan daripada ancaman musuh.

Namun yang demikian, semangat perjuangan dalam mempertahankan negara tidak hanya terletak di bahu pasukan-pasukan keselamatan, akan tetapi ia perlu dipikul sama oleh semua anggota masyarakat. Perasaan cinta kepada agama, bangsa dan negara perlu disemai dalam hati setiap rakyat dan penduduk di negara ini demi mempertahankan keamanan dan keselamatan, agama, bangsa dan negara. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'alā merahmati dan melindungi negara kita daripada ancaman musuh dan dihindari dari malapetaka dan musibah.

AWANG HAJI MOHAMMAD, DAYANGKU FAUZIAH NADHIRAH JOHAN QARI, QARIAH MUSABAQAH MEMBACA AL-QUR'AN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



BERAKAS, Khamis, 14 Zulkaedah bersamaan 23 Mei - Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi. Majlis yang membawakan tema 'Al-Qur'an Pedomanku' berlangsung di Dewan Plenary Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke majlis tersebut dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengaroh Dato Paduka Haji Awang



3 dan pengendali-pengendali bersama serta jawatankuasa-jawatankuasa kerja yang lain.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Haji Dasrizal M.Nainin, qari jemputan dari Republik Indonesia yang merupakan juara Musabaqah Membaca Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuwait pada 2022 dan juara Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia pada 2013.

Majlis diteruskan dengan sembah aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Diikuti dengan pengumuman keputusan musabaqah yang disembahangkan oleh Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, Pemangku Pengarah Urusan Haji selaku Pengerusi Jemaah Hakim.

Johan qari disandang oleh Awang Haji Mohammad bin Ali dengan mencatatkan markah 92.80 peratus, manakala naib johan pula disandang oleh Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dengan markah 91.49 peratus, dan tempat ketiga ialah Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dengan markah 91.25 peratus.

Sementara, johan qariah disandang oleh Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri dengan markah 89.83 peratus, diikuti naib johan ialah Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki dengan markah 89.75 peratus, dan tempat ketiga ialah Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd. Rajid dengan markah 89.42 peratus.

Johan membawa pulang wang tunai berjumlah BND7,000, piala pusingan, hadiah irigan, sijil penyertaan; pakej umrah bernilai BND4,200 dari Balurih Travel Sdn. Bhd., Akaun Tekad Haji berjumlah BND3,000 sumbangan dari Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Majlis diserikan dengan persembahan bacaan al-Qur'an oleh johan qari dan johan qariah Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H/2024M.



Manakala, naib johan membawa pulang wang tunai BND5,000, hadiah irigan, sijil penyertaan, Akaun Tekad Haji berjumlah BND2,000 sumbangan dari Perbadanan TAIB, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; serta tiket penerbangan umrah dari At-Taqwa Travel & Tours.

Sementara, tempat ketiga pula membawa pulang wang tunai BND3,000, hadiah irigan, sijil penyertaan; pakej percutian ke Istanbul bernilai BND2,500, Akaun Tekad Haji berjumlah BND1,000 sumbangan dari Perbadanan TAIB, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. ■

MENGGALAKKAN KEAMANAN, KEHARMONIAN, PERPADUAN PEMIMPIN AGAMA

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri International Conference of Religious Leaders yang diadakan di Sunway Resort Hotel, Selangor, Malaysia.

SELANGOR, MALAYSIA, Selasa, 28 Syawal bersamaan 7 Mei - Rombongan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menghadiri International Conference of Religious Leaders yang diadakan bertempat di Sunway Resort Hotel, Selangor, Malaysia.

Persidangan yang bertemakan 'Unity With Diversity' tersebut dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bersama dengan Muslim World League yang antara lain bertujuan untuk menggalakkan keamanan, keharmonian dan perpaduan dalam kepelbagaian dalam kalangan pemimpin agama di seluruh dunia.

International Conference of Religious Leaders telah menghimpukan dan melibatkan kira-kira 50 buah negara termasuk pemimpin-pemimpin dan wakil-wakil daripada pelbagai agama.



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa bersalam dengan Perdana Menteri Malaysia.

KESEMUA JEMAAH HAJI BRUNEI SELAMAT BERLEPAS MENUNAIKAN IBADAT HAJI



Oleh : Dahlan Chuchu

Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Zulkifli bin Haji Murat, Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, manakala azan dilaungkan oleh Awang Haji Hamdini bin Haji Garif, Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien,

Penerbangan kedua bakal jemaah haji bertolak meninggalkan tanah air pada 15 Zulkaedah 1445 bersamaan 24 Mei 2024 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei dengan pesawat BI4203.

Seramai 254 bakal jemaah haji, terdiri daripada 121 lelaki dan 130 perempuan serta tiga pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan) dan Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB).

Sementara penerbangan ketiga yang membawa 253 bakal jemaah Haji Negara Brunei Darussalam telah bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI4205 pada 16 Zulkaedah bersamaan 25 Mei 2024.

Manakala, penerbangan keempat bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI4207 pada 17 Zulkaedah bersamaan 26 Mei 2024.

Penerbangan keempat itu membawa jumlah keseluruhan 252 orang bakal jemaah haji termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan); dan Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd.

BERAKAS, - Keempat-empat penerbangan bakal jemaah haji selamat bertolak meninggalkan tanah air bagi menunaikan ibadat haji bagi tahun 1445H/2024M.

Penerbangan pertama bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam mula bertolak meninggalkan negara dengan menggunakan pesawat Royal Brunei Airlines BI4201 pada 14 Zulkaedah 1445 bersamaan 23 Mei 2024..

Bakal jemaah haji seramai 254 orang bakal termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran dan Perubatan); pegawai-pegawai dari Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) dan Pegawai Syarikat Straits Central Agencies Sdn. Bhd. (SCA).

Turut mengiringi bakal jemaah haji bagi penerbangan pertama tersebut ialah tiga orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) iaitu seorang lelaki dan dua orang perempuan.

Hadirbagimengucapkan selamat baylor di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato

20 SAUDARA BAHARU TERPILIH MENERIMA TAMBANG HAJI



Oleh : Mohamad Zeliyan Ahad

daripada Kumpulan Wang Zakat Asnaf Muallaf dan diserahkan kepada Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. bagi mencukupkan bayaran Paket Haji yang diikuti oleh seramai 20 saudara baharu berkenaan.

Di samping itu, mereka juga menerima agihan kewangan sebanyak BND2,000 bagi perbelanjaan persendirian (wang saku), juga merupakan agihan kewangan yang diambil daripada Kumpulan Wang Zakat Asnaf Muallaf. Pengurniaan Tambang Haji dan Agihan Wang Zakat daripada Peruntukan Zakat Asnaf Muallaf ini diharap akan dapat mengukuhkan lagi iman saudara-saudara baharu kita serta dapat meningkatkan penghayatan ajaran ugama Islam mereka dengan lebih sempurna.

Kita terus mendoakan, semoga mereka akan dapat melaksanakan ibadah haji dengan penuh kesabaran dan taqwa serta sentiasa di bawah perlindungan dan pemeliharaan serta keampunan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan mendapat haji yang mabrur.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Zulkaedah bersamaan 20 Mei.

- Majlis Penyerahan Bayaran Paket Haji kepada Darussalam Services Sdn. Bhd. dan Penyampaian Wang Saku kepada seramai 20 orang saudara baharu (muallaf) yang terpilih dan memenuhi syarat-syarat untuk mendapatkan Kurnia Tambang Haji daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berlangsung di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis Ugama Islam Brunei telah mengeluarkan agihan kewangan



PASTIKAN ACARA TERATUR, PUPUK SEMANGAT CINTAKAN AGAMA, RAJA

Oleh : Azizah Hidup



MENTERI Hal Ehwel Ugama semasa menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Ayat Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah.

BANDAR SERI BEGAWAN,

Rabu, 6 Zulkaedah bersamaan

15 Mei - Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah telah diadakan di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwel Ugama, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah.

Hadir sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B)

Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie.

Dalam mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama menggariskan Negara Brunei Darussalam adalah negara yang mendukung dan menampilkan dirinya sebagai negara Islam dengan penduduknya yang komited kepada ajaran agama Islam, malah Negara Brunei Darussalam juga dikenali sebagai Negara Zikir yang di dalamnya ada perlombaan, undang-undang serta adat-istiadatnya.

Agenda mesyuarat adalah bagi membincangkan format dan tema sambutan, tarikh, tempat mengadakan lagi keimanan kepada umat Islam khususnya di Negara Brunei Darussalam.

Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan sepanjang tahun 1446 Hijrah.

Mesyuarat juga membincangkan Pengendali-pengendali Bersama setiap majlis.

Adalah menjadi harapan pihak Jawatankuasa agar Sambutan Majlis Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan sepanjang tahun 1446 Hijrah dikendalikan dengan lebih teratur dan sempurna, dan sambutan diisi dengan acara bermanfaat yang boleh mengasuh serta memupuk semangat cintakan Allah, cintakan Rasul, cintakan agama dan raja dalam kalangan seluruh rakyat dan penduduk.

Selain itu, ia dapat menambahkan lagi keimanan kepada umat Islam khususnya di Negara Brunei Darussalam.

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI KHEU

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



MENTERI Hal Ehwel Ugama dan Datin bergambar ramai bersama jemputan khas di majlis berkenaan.

KAMPONG RIMBA, AHAD,

25 Syawal bersamaan 5 Mei -

Kementerian Hal Ehwel Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Lantai Bawah Bangunan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Rimba.

Tetamu kehormat dalam memeriahkan lagi sambutan tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwel Ugama dan Datin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, bacaan surah al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Awang Saufi bin Haji Suhaini, Pegawai Hal Ehwel Masjid, Jabatan Hal Ehwel Masjid.

Hadir sama ialah Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim

bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwel Ugama dan Datin; Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwel Ugama dan isteri; Profesor Madya Dr. Awang Haji Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan isteri.

Turut hadir; Awang Misle bin Haji Abdul Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwel Ugama; Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwel Ugama; pengarah-pengarah; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwel Ugama.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama dan Datin berserta jemputan-jemputan khas serta pegawai-pegawai kanan

turut berdudun serta ramah mesra bersama golongan muallaf, belia masjid dan muslimah.

Sejurus itu, Yang Berhormat bersama Datin beramah mesra bersama pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwel Ugama dengan kunjung-mengunjungi ke ruang meja setiap jabatan, bahagian, unit di bawah Kementerian Hal Ehwel Ugama yang dihiburkan dengan persembahan dari setiap 'booth'. Acara juga diselangselikan dengan cabutan nama bertuah. Juga diadakan pengumuman Grand Prize dan Peraduan Manzil Jamil (rumah / halaman cantik).

Majlis ini merupakan salah satu kegiatan sosial berkebajikan warga Kementerian Hal Ehwel Ugama bagi merapatkan dan mengeratkan ukhuwah silaturahim yang lebih mesra dan harmoni sesama warga kementerian serta menerapkan nilai-nilai yang lebih positif dalam hubungan ibarat sebuah keluarga.

PDI TERIMA WAKAF 1,000 MUSHAF UNISSA

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani




PENYERAHAN mushaf daripada Rektor UNISSA kepada Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Zulkaedah bersamaan 13 Mei

- Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyerahkan sebanyak 1,000 buah mushaf UNISSA kepada Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) bagi tujuan untuk diagihkan kepada para muallaf di Negara Brunei Darussalam.

Penyerahan wakaf mushaf UNISSA berkenaan disempurnakan oleh Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA, kepada Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah yang berlangsung di pusat berkenaan, di Kampong Pulaie.

Dengan pengagihan wakaf mushaf berkenaan diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta akan menyuntik lagi semangat para muallaf untuk sentiasa



berdamping dengan al-Qur'an. Selain itu, ia juga diharap dapat melahirkan golongan muallaf yang dekat dengan al-Qur'an, yang hidup mereka berpandukan kepada

al-Qur'an, tutur bahasa serta tindak tanduknya berlandaskan kepada ajaran-ajaran al-Qur'an yang mulia dan menjadikan al-Qur'an sebagai panduan hidup.



Majlis Pengislaman **MEI** **2024**




يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَتَقُولُ اللَّهُ حَقٌّ تَقْرَأُهُ وَلَا تَمُونُ إِلَّا وَأَنَّهُم مُسْلِمُونَ ﴿٥﴾
Mathumnya:
Wahai orang-orang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan kamu tetap sebagai orang Islam.

(Surah Aali-'Imraan ayat 102)



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2024



Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

BERKENAN MENERIMA JUNJUNG ZIARAH JEMAAH HAJI NEGARA

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Syawal bersamaan

9 Mei - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah seramai 1,033 orang bakal jemaah Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 493 orang merupakan bakal jemaah haji lelaki, manakala, seramai 540 orang terdiri daripada bakal jemaah wanita, termasuk

Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Daussalam (Pentadbiran dan Perubatan) dan pegawai pengiring syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Sebelum Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah, bakal jemaah haji negara telah menuaikan Sembahyang Fardhu Zuhur Berjemaah dan menikmati jamuan tengah hari.

Pada majlis itu, bakal jemaah haji negara menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia berupa pakaian ihram bagi jemaah haji lelaki dan telekung bagi jemaah haji perempuan.

Terdapat tujuh buah syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji, iaitu Darussalam Services Sendirian Berhad, Al-Hijrah Travel & Tours Sendirian Berhad, Raudah Al-Amin Sendirian Berhad, Titian Travel & Tours Sendirian Berhad, At-Taqwa Travel Tours Sendirian Berhad, Dar El Ehsan Sendirian Berhad dan Straits Central Agencies (B) Sendirian Berhad.